

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pilihan raya umum akan diadakan selepas Parlimen _____.
 A ditutup C dibubarkan
 B ditamatkan D dimansuhkan
- 2 Murid-murid yang menyertai lawatan ke Dataran Merdeka itu dikehendaki _____ di padang sekolah.
 A dikumpul C mengumpul
 B berkumpul D berkumpulan

Soalan 3 – 5

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D. Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 3 Wakil rakyat adalah mereka yang dipilih sebagai wakil menerusi sistem pilihan raya yang diadakan lima tahun sekali.
 A
 B
 C
 D Tiada kesalahan.
- 4 Para-para pemilih yang namanya terdapat di dalam daftar pemilih akan keluar mengundi di pusat-pusat mengundi yang telah ditetapkan.
 A
 B
 C
 D Tiada kesalahan.
- 5 Pemimpin yang berwibawa dan menjalankan tugas dengan jujur akan sanjung dan dihormati rakyat. Tiada kesalahan.
 A
 B
 C
 D

Soalan 6

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 6 I Sistem demokrasi berteraskan kepada prinsip kesamarataan.
 II Parti politik yang memperoleh majoriti kerusi di Dewan Rakyat atau Dewan Undangan Negeri boleh menubuhkan kerajaan persekutuan atau negeri.
 III Pilihan raya akan diadakan untuk memilih wakil-wakil rakyat.
 IV Calon yang mendapat undi majoriti akan diumumkan sebagai wakil yang terpilih bagi bahagian pilihan raya yang berkenaan.
 A I dan II sahaja
 B III dan IV sahaja
 C I, II dan III sahaja
 D II, III dan IV sahaja

Soalan 7 – 8

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 7 Apabila pembesar dan pemerintah berganti, corak pemerintahan turut berubah. Situasi ini sesuai dengan peribahasa
 A patah kemudi perahu hanyut.
 B sekali air bah, sekali pantai berubah.
 C lain dulang lain kali, lain orang lain hati.
 D laut mana yang tidak berombak, bumi mana yang tidak ditimpa hujan.
- 8 Maniam sering dipergunakan dan dipermainkan oleh rakan sekerja kerana sikapnya yang terlalu jujur. Sikap Maniam sesuai dengan peribahasa
 A baik hati.
 B lurus bendul.
 C kaki bangku.
 D mulut tempayan.